

20 MAY 2000  
UKM-Ulangtahun  
MALAM KENANGAN 30 TAHUN PENUBUHAN UKM

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) malam ini mengadakan majlis makan malam sempena 30 tahun penubuhan universiti itu di sebuah hotel terkemuka dekat sini.

"Malam Sanjungan Budi" yang diadakan di Hotel Palace of the Golden Horses di Seri Kembangan, Sungai Besi, dihadiri oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman selaku Canselor UKM dan Tuanku Ampuan Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, kedua-dua Pro Canselor UKM Tan Sri Abdullah Mohd Salleh dan Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail.

Majlis itu mempertemukan ratusan individu dan wakil organisasi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penubuhan UKM, kata jurucakap universiti itu.

Tetamu pada majlis itu dihiburkan oleh Koir UKM, Artisukma UKM dan artis undangan seperti Yusni Hamid.

Dalam kata-kata aluan Perdana Menteri dalam buku cenderamata, Dr Mahathir berkata, UKM telah berjaya mencapai matlamatnya untuk menjadi universiti yang terulung di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Bagaimanapun beliau mengingatkan para pemimpin dan warga universiti bahawa perjuangan membangunkan bangsa dan negara masih belum selesai.

"Agenda pendidikan pada alaf baru semakin mencabar apabila teknologi maklumat dan globalisasi semakin mendominasi generasi pada hari ini," katanya.

Beliau yakin kepimpinan UKM telah menyediakan perancangan yang strategik bagi memastikan kecemerlangan universiti itu dapat dipertingkatkan lagi.

-- BERNAMA  
GM PR